

Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Emosi Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching, Selangor

MUHAMMAD FAZRY BIN ANUAR
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
muhammaddonfazry1996@gmail.com

NORAZNIDA HUSIN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noraznida@kuis.edu.my

ABSTRAK

Profesion perguruan akhir-akhir ini dilihat semakin mencabar dengan perubahan zaman serta perombakan di dalam sistem pendidikan negara di Malaysia. Perguruan adalah profesion yang sangat terdedah kepada tekanan emosi. Ini boleh menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa dan kebimbangan dalam melaksanakan tanggungjawab. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu data diperolehi melalui edaran borang soal selidik. Seramai 108 orang guru yang terlibat sebagai responden di dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan aplikasi SPSS (*Statistical Package for Social Science version 18*) melalui kaedah deskriptif dan korelasi. Tiga faktor yang dikaji iaitu masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan terhadap tekanan emosi. Hasil daripada kajian mendapati bahawa ketiga-tiga faktor iaitu masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri merekodkan nilai min dan mempunyai kecenderungan pada tahap yang tinggi terhadap tekanan emosi guru. Selain itu, kesemua faktor yang dikaji mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap tekanan emosi guru. Faktor masalah kesihatan diri mempunyai hubungan positif yang paling tinggi terhadap tekanan emosi guru dengan nilai $r=.780$, $n=108$ $p=.000$. Justeru, isu tekanan emosi ini harus dipandang serius oleh semua pihak terutamanya pihak sekolah. Seterusnya, kajian ini boleh diperluaskan lagi dengan menjalankan kajian di sekolah yang berbeza dan mengenalpasti pemboleh ubah tidak bersandar yang berbeza terhadap tekanan emosi yang dihadapi oleh guru.

Kata Kunci: Masalah Disiplin Pelajar, Bebanan Tugas, Masalah Kesihatan Diri, Tekanan Emosi, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

PENGENALAN

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan. Profesion perguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar dari segi fizikal mahupun mental. Kepentingan Pendidikan adalah aspek yang penting bagi menjamin dasar kemajuan dan kemodenan sesebuah negara. Terdapat pelbagai isu yang timbul akibat daripada perubahan sistem pendidikan negara ini terutamanya dari segi tekanan emosi guru yang disebabkan bebanan kerja, masalah disiplin pelajar dan keseimbangan kesihatan diri yang mana memberi implikasi dalam menjalankan tugasnya di sekolah. Permasalahan umum yang sering berlaku ialah guru mendera pelajar dan akhirnya dipandang negatif oleh masyarakat.

PENYATAAN MASALAH

Profesion guru pada masa kini perlu menghadapi pelbagai tuntutan sama ada daripada pihak pengurusan sekolah, ibu bapa atau masyarakat. Guru juga perlu meningkatkan dan memperbaiki diri dari segi kreativiti, inovasi dan pemikiran kritikal dalam menghadapi pelbagai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Permasalahan disiplin pelajar yang melibatkan tingkah laku seperti ponteng kelas, buli, vandalisme turut memberi tekanan kepada guru dalam menjalankan tugas. Secara tidak langsung dengan pelbagai tekanan yang dihadapi ia memberi kesan kepada emosi guru dan menyebabkan berlaku masalah tekanan emosi. Masalah tekanan emosi merupakan fenomena yang kian berlaku pada masa kini terutamanya di kalangan para guru.

Di Malaysia didapati kurang sekali penyelidikan dan perhatian yang diberikan terhadap tekanan emosi yang dialami oleh guru. Kebanyakan penyelidikan lebih menitikberatkan kepada kaedah pedagogi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dan bukannya kepada penggerak utama dalam pendidikan iaitu guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tekanan emosi di kalangan guru di SMK Bandar Rinching, Selangor. Menurut Borg (2000) melalui kajiannya didapati bahawa satu pertiga daripada guru mengakui mereka menghadapi tekanan emosi yang tinggi dalam profesion mereka.


Menurut (Kosmo, 9 Februari 2014), sebuah sekolah pernah menggemparkan negara apabila seorang pelajarnya telah meminum racun sehingga mati kerana sering dibuli oleh rakan sekelasnya, Ini merupakan salah satu masalah disiplin pelajar yang mana mungkin mempengaruhi tekanan emosi guru sekolah tersebut. Justeru itu, kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching, Selangor untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru. Oleh itu, kajian ini telah menggariskan dua objektif iaitu:

- i. Menenalpasti tahap faktor masalah disiplin pelajar, bebanan tugas, dan masalah kesihatan diri terhadap tekanan emosi guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching.
- ii. Mengkaji hubungan antara masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri terhadap tekanan emosi guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan daripada kajian lepas, terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti sebagai faktor yang mempengaruhi tekanan emosi seorang guru. Oleh itu, pemboleh ubah tidak bersandar ialah masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri manakala pemboleh ubah bersandar ialah tekanan emosi guru. Kerangka kajian adalah seperti dalam Rajah 1. Seterusnya, adalah kupasan daripada kajian lepas terhadap dua pemboleh ubah ini.

Rajah 1: Kerangka Kajian



Adaptasi daripada Kyriacou dan Sutcliffe (1978) dan Boyle et. al. (1995)

Tekanan Emosi

Menurut Robbins (1993) tekanan emosi adalah sesuatu keadaan yang dinamik dalam mana seseorang individu berhadapan dengan peluang, halangan atau tuntutan yang berkaitan dengan apa yang dia inginkan dan hasilnya adalah belum pasti tetapi penting. Bagi Gmelch (1982) sama ada tekanan itu positif atau negatif reaksinya terhadap fisiologi seseorang adalah sama. Ini kerana tekanan menimbulkan kesan ke atas tubuh badan, mental dan fizikal.

Tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran serta pembelajaran. Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya (Sapora Sipon, 2007).

Faktor tekanan emosi juga akan menyebabkan seseorang individu mengambil keputusan untuk meninggalkan profesion akibat ketidakpuasan terhadap kerja. Hal ini akan memberi masalah kepada organisasi sekiranya langkah mengelak tekanan berlaku dalam kalangan pekerja tidak diambil serius (Tattum, 1986). Kyriacou dan Sutcliffe (1978), menjelaskan faktor tekanan yang berlaku biasanya berpunca daripada aspek kerja mereka yang akhirnya mengganggu emosi. Gangguan emosi ini akhirnya akan menimbulkan rasa marah perasaan tidak selesa, kebimbangan, tekanan serta kekecewaan yang tinggi. Dahulu, para pendidik mempunyai status yang tinggi dalam hierarki hidup masyarakat tetapi sekarang tidak lagi. Mutakhir ini, persepsi masyarakat terhadap profesion perguruan semakin menurun (Haslinda, 2007). Kebanyakan guru sekarang merasakan persekitaran dunia pendidikan tanah air tidak lagi seperti dahulu. Hal ini menyebabkan, guru mengalami tekanan emosi pada tahap yang tinggi. Robiah (1998), berpendapat bahawa punca guru bertindak keterlaluhan mungkin kerana menghadapi tekanan yang dialami akibat beban kerja yang terlalu banyak, tanggungjawab semakin berat dan tuntutan masyarakat yang menggunung terhadap guru. Menurut beliau, stress juga disebabkan oleh bilangan pelajar yang terlalu ramai dan ditambah pula dengan pelajar yang mempunyai pelbagai karenah.

Masalah Disiplin

Definisi disiplin adalah kawalan diri dan mematuhi peraturan serta arahan yang telah ditetapkan. Dalam konteks disiplin di sekolah adalah terdapat kalangan pelajar yang melanggar disiplin dan peraturan sekolah menyebabkan guru diberikan tanggungjawab untuk mengawal dan mendidik pelajar untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Manakala motivasi pelajar adalah berkait rapat dengan tekanan guru kerana guru akan berasa tertekan jika pelajar menunjukkan rasa tidak berminat dengan pengajaran yang diberikan oleh guru (Rosemaria, 2009).

Menurut bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin (dipetik daripada Berita Harian Jun 2013) menyatakan sebanyak 108,650 daripada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dengan masalah disiplin di sekolah tahun lalu. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, daripada jumlah tersebut, isu ponteng sekolah merupakan penyumbang terbesar masalah disiplin pelajar iaitu sebanyak 18,550 pelajar. Hal ini menunjukkan masalah disiplin pelajar di sekolah pada hari ini berada pada tahap yang agak serius walaupun kadangkala kenyataan ini telah ditolak oleh pihak-pihak tertentu. Di samping itu, masalah disiplin juga merupakan faktor utama yang menjadi punca tekanan terhadap guru di sekolah. Hal ini kerana sikap tidak menghormati guru dan tidak menghargai guru ketika guru sedang mengajar seperti

berbual -bual, tidak membuat latihan yang diberikan dan sebagainya akan memberi tekanan yang tinggi kepada guru.

Selain itu, menurut (Cormarks ,2000) menyatakan guru-guru juga akan berhadapan dengan pelbagai masalah disiplin pelajar serta akan berurusan dengan sejumlah bilangan besar pelajar-pelajar dengan keperluan dan masalah yang berbeza. Hal ini turut memberi tekanan yang tinggi kepada guru dalam menyelesaikan dan berhadapan dengan masalah disiplin pelajar di sekolah.

Bebanan Tugas

Sejak kebelakangan ini, isu yang berkaitan dengan peranan dan beban tugas guru sudah mula dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Pentadbiran di sekolah juga semakin kompleks hasil daripada transformasi pendidikan negara. Di samping menjalankan tugas rasmi dengan mengajar, guru-guru juga perlu menjalankan tugas-tugas lain seperti proses pembayaran yuran pelajar, mengendalikan permohonan Skim Pinjaman Buku Teks, biasiswa, kegiatan persatuan, gerak kerja kokurikulum dan sebagainya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Ramli,2003), beliau menegaskan bahawa selain daripada menjalankan tugas di kelas, guru-guru juga perlu memainkan peranan lain sebagai pemimpin dan penggerak dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana besarnya harapan rakyat kepada guru-guru telah menimbulkan beban yang berat kepada guru-guru sendiri sehingga mereka tidak dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Berdasarkan kajian (Azlina & Sew Lee, 2008) menunjukkan faktor *stress* yang paling dominan ialah faktor beban kerja. Keadaan ini menggambarkan bahawa beban tugas guru-guru di negara kita ialah satu faktor yang paling mempengaruhi tekanan emosi guru. Menurut (Loscocco dan Roschelle, 2001), apabila permintaan pekerjaan terlalu besar untuk dicapai oleh pekerja, mereka dengan mudah boleh menjadi kecewa kerana mereka juga mempunyai pelbagai keperluan yang perlu dipenuhi. Pelbagai kajian yang dijalankan oleh para penyelidik terdahulu juga mendapati terlalu banyak beban kerja, masa lampau dan tuntutan yang bertentangan menyebabkan pekerja mengalami tekanan emosi yang akhirnya akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental mereka (Bacharach dan Merves, 2004). Isu tekanan kerja guru kini sering diperkatakan guru kini dibebani kerja diluar bidang tugasnya seperti kerja -kerja perkeranian. Abang Mat Ali bin Abang Masagus, (1998) telah melaporkan 30 peratus daripada jumlah 280, 000 pendidik terpaksa memikul tugas luar dan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada tugas mengajar.

Masalah Kesihatan Diri

Kebanyakan sarjana yang terkemuka berhujah bahawa kesihatan boleh ditakrifkan sebagai pekerja yang mempunyai keadaan psikologi dan fisiologi yang baik yang boleh memberi motivasi kepada pekerja dalam melaksanakan tugas di tempat kerja (Hofmann & Tetrick, 2003).

Menurut kajian Mojinyinola (2008) di sebuah sekolah sektor awam di Ibadan Metropolis, Nigeria yang menyatakan bahawa tekanan kerja di kalangan guru menyebabkan peningkatan gejala kesihatan yang tidak sihat seperti sakit kepala, sakit belakang, sakit leher, sakit otot dan tekanan darah tinggi. Kehadiran tekanan ini telah sedikit sebanyak dapat mengganggu persembahan kerja dikalangan guru seperti kurang tumpuan dalam melakukan kerja, kesukaran membuat keputusan, kerisauan dan bersikap agresif yang akhirnya membawa kepada gangguan dalam memberikan layanan pelajaran dan pembelajaran kepada murid-murid.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian deskriptif. Melalui kaedah ini, penulis dapat mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data yang diperoleh dengan mudah. Borang soal

selidik digunakan dan diagihkan kepada responden. Populasi guru SMK Bandar Rinching ialah seramai 152 orang guru. Merujuk kepada Jadual Krejcie dan Morgan (1970), sebanyak 108 sampel diperlukan untuk menjalankan kajian ini. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang mengkehendaki responden untuk menjawab soalan berdasarkan skala Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A terdiri daripada maklumat demografi manakala bahagian B pula terdiri daripada faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru. Data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistik dengan kaedah analisis deskriptif min dan korelasi pearson. Kaedah analisis deskriptif min digunakan adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru melalui nilai skor min. Manakala, kaedah analisis korelasi pearson digunakan adalah untuk mengkaji hubungan di antara faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru. Terdapat dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pembolehubah tidak bersandar bagi kajian ini ialah faktor disiplin diri, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah tekanan emosi guru.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data kajian yang diperoleh adalah hasil daripada edaran borang soal selidik kepada 108 orang guru SMK Bandar Rinching. Hasil dari edaran soal selidik yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan skor min dan korelasi pearson untuk mencapai objektif utama kajian ini. Analisis skor min digunakan untuk mengenalpasti tahap faktor yang mempengaruhi tekanan emosi para guru. Manakala, korelasi pearson digunakan untuk mengkaji hubungan antara faktor yang mempengaruhi tekanan emosi guru.

Analisa Skor Min

Analisis menggunakan skor min digunakan untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap faktor masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan yang mempengaruhi tekanan emosi guru.

Jadual 1: Analisa Deskriptif Skor Min

Pemboleh ubah	Bilangan soalan	Min	Tahap
Tekanan emosi	10	3.3257	Sederhana
Masalah disiplin	5	3.7814	Tinggi
Bebanan tugas	5	3.5222	Sederhana
Masalah kesihatan	5	3.3963	Sederhana

Jadual 1 menunjukkan masalah disiplin pelajar menunjukkan nilai skor min yang tertinggi iaitu 3.7814, diikuti dengan faktor masalah kesihatan iaitu 3.3963 dan faktor bebanan tugas dengan skor min mencatatkan 3.5222. Dapatan kajian daripada persoalan juga disokong oleh pengkaji-pengkaji lepas rata-ratanya menyatakan antara penyebab utama kepada stres guru ialah salah laku pelajar, tekanan masa, bebanan tugas dan perhubungan antara staf serta masalah fisiologi (Boyle, 1995).

Analisis Hipotesis Kajian

H_{1A}: Masalah disiplin pelajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tekanan emosi guru.

Hasil dapatan kajian telah mendapati nilai korelasi $r = 0.733$, $n = 108$, $p < 0.05$, bagi faktor pertama pemboleh ubah tidak bersandar iaitu masalah disiplin pelajar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tekanan emosi guru telah merekodkan hubungan positif yang signifikan pada tahap tinggi tetapi mempunyai nilai yang lebih rendah berbanding dua pemboleh ubah tidak bersandar yang lain. Hal ini dapat dibuktikan melalui ujian korelasi yang telah dijalankan iaitu 0.733^{**} pada aras 0.000 . Oleh itu, hipotesis bagi kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan di antara faktor masalah disiplin pelajar terhadap tekanan emosi guru telah berjaya direkodkan di dalam dapatan hasil kajian penyelidikan.

H_{1B}: Bebanan tugas mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tekanan emosi guru. Berdasarkan Jadual 4.18 nilai keseluruhan korelasi pearson, faktor pemboleh ubah tidak bersandar kedua iaitu bebanan tugas telah merekodkan hubungan korelasi positif yang signifikan dan tinggi dengan pemboleh ubah bersandar iaitu tekanan emosi guru dengan nilai $r = 0.735$, $n = 108$, $p < 0.05$. Sedemikian itu, ianya telah dibuktikan melalui ujian korelasi yang telah dilakukan dimana penyelidik mendapati hubungan positif yang signifikan ditahap tinggi iaitu 0.735^{**} pada aras 0.000 . Dapatan dari hasil kajian ini juga menjelaskan faktor bebanan tugas juga merupakan faktor yang signifikan yang mempunyai hubungan terhadap tekanan emosi guru.

H_{1C}: Masalah kesihatan diri mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tekanan emosi guru.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi penyelidik mendapati, pemboleh ubah tidak bersandar ketiga iaitu masalah kesihatan diri mempunyai hubungan yang mempengaruhi tekanan emosi di kalangan guru. Dapatan kajian telah menemui hubungan positif signifikan yang paling tinggi nilai korelasi di antara dua pemboleh ubah berbanding pemboleh ubah tidak bersandar yang lain, iaitu $r = 0.780$, $n = 108$, $p < 0.05$. Hal ini dapat dibuktikan melalui ujian korelasi yang telah dijalankan iaitu merekodkan nilai 0.780^{**} pada aras 0.000 . Dengan itu, hipotesis bagi kajian menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara faktor masalah kesihatan diri dan tekanan emosi guru. Hal ini menunjukkan hubungan faktor masalah kesihatan diri terhadap tekanan emosi guru merupakan faktor utama kerana menunjukkan hasil nilai korelasi yang paling tinggi dan dipersetujui oleh responden.

Analisa Ujian Korelasi

Kaedah korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Jadual 2 menunjukkan tahap hubungan pemboleh ubah terhadap nilai pekali korelasi yang diperolehi melalui analisis kajian.

Jadual 2: Tahap Korelasi

Nilai Korelasi	Kekuatan hubungan
0.00	Tiada Korelasi
Kurang daripada 0.19	Sangat Rendah
0.20 – 0.39	Rendah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi
0.90 – 1.00	Sangat Tinggi

Oleh itu, Korelasi Pearson digunakan untuk mencapai objektif yang kedua iaitu mengkaji hubungan antara masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri terhadap tekanan emosi guru. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis yang direkodkan bagi ketiga-tiga faktor terhadap tekanan emosi guru. Dapatan ini direkodkan dengan menemui nilai korelasi

bagi ketiga tiga faktor menunjukkan nilai yang signifikan serta mempunyai hubungan yang positif terhadap tekanan emosi guru. Secara terperinci, faktor masalah kesihatan diri menunjukkan nilai korelasi paling tinggi iaitu $r=.780$, $n=108$, $p=.000$, diikuti dengan faktor bebanan tugas pada nilai $r=.735$, $n=108$, $p=.000$ dan faktor masalah disiplin pelajar pada nilai $r=.733$, $n=108$, $p=.000$. ini menunjukkan bahawa kesemua faktor mempunyai nilai tinggi dan mempunyai hubungan yang positif terhadap tekanan emosi guru. Oleh itu, sekaligus persoalan kajian ini terjawab dimana ketiga tiga faktor pemboleh ubah masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri mempunyai hubungan yang positif dan tinggi terhadap tekanan emosi guru di SMK Bandar Rinching.

Jadual 3: Analisis Korelasi Pearson

		Masalah disiplin pelajar (PTB1)	Bebanan tugas (PTB2)	Masalah kesihatan diri (PTB3)	Tekanan emosi guru (PB)
Masalah disiplin pelajar (PTB1)	Pearson correlation Sig (2tailed) N	1 108	.537** .000 108	.694** .000 108	.733** .000 108
Bebanan tugas (PTB2)	Pearson correlation Sig (2tailed) N	.537** .000 108	1 108	.714** .000 108	.735** .000 108
Masalah kesihatan diri (PTB3)	Pearson correlation Sig (2tailed) N	.694** .000 108	.714** .000 108	1 108	.780** .000 108
Tekanan emosi guru (PB)	Pearson correlation Sig(2tailed) N	.733** .000 108	.735** .000 108	.780** .000 108	1 108

Kesimpulannya, hasil daripada kesemua dapatan kajian yang telah direkodkan melalui analisis yang dijalankan, didapati faktor masalah disiplin pelajar mencatatkan skor min yang tertinggi terhadap tekanan emosi guru di SMK Bandar Rinching, Selangor. Melalui analisis yang kedua, dapat dilihat bahawa faktor masalah disiplin pelajar, bebanan tugas dan masalah kesihatan diri mempunyai hubungan positif terhadap tekanan emosi guru dengan merekodkan faktor masalah disiplin pelajar mempunyai nilai hubungan korelasi paling tinggi yang mempengaruhi tekanan emosi guru di SMK Bandar Rinching, Selangor.

KESIMPULAN

Pelbagai arus perubahan moden yang ada pada masa kini menjadikan profesion guru semakin mencabar dengan pelbagai cabaran dan masalah yang perlu dihadapi oleh seorang guru. Oleh itu, sebagai seorang guru mereka perlu mempunyai strategi dalam menghadapi tekanan yang bakal berlaku. Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya menjawab dan membuktikan segala persoalan serta objektif di dalam kajian ini di mana faktor masalah disiplin, bebanan tugas dan masalah kesihatan mempunyai hubungan yang positif terhadap tekanan emosi guru di SMK Bandar Rinching. Oleh yang demikian pihak sekolah perlulah sentiasa peka dan prihatin terhadap tingkah laku atau keadaan emosi bagi setiap orang guru, ini kerana jika terdapat gejala tekanan emosi dikalangan guru ia dapat dibanteras dari awal. Pemeriksaan kesihatan yang berkala perlu sentiasa dijalankan oleh pihak sekolah kepada para guru dalam

memastikan tahap kesihatan fizikal dan mental mereka sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Rujukan

- Azlina M.K & sew, L.T. (2008). The influence of personality towards teacher job satisfaction and work stress. *Jurnal of technology*, 48€,33-47.
- Boyle, J. G., Borg, M. G., Falzon, J. M., & Baglioni, A. J. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Education Psychology*, 65,49-67.
- Cormarks, D. K. (2000). Leadership behaviors of secondary school principals and teacher's satisfaction. Unpublished PhD Dissertation. University of New South Wales.
- Cohen, S., Gotlieb, B. H., & Underwood, L. G. (2000). Social Relationships and Health. Social Support Measurement and Intervention: A Guide for Health and Social Scientists.
- Gmelch, W. H. (1982). Beyond stress to effective management. *New York JohnWiley & Sons, Inc.*
- Herman (1994). Analisis statistik deskriptif. Kajang: Tekno Edar, Kosmo, 9 Februari 2014.
- Kyriacou, C. & Chien, Pei Yu. (2004). Teacher stress in Taiwanese primary schools. *Journal of Educational Equiry*, 5 (2): 86 – 104.
- Kyriacou, C., & Sutcliffe, J. (1978). Teacher stress: Prevalence, sources and symptoms. *British Journal of Education Psychology*.
- Kyriacou, C. dan Sutcliffe, J. (1978a). Teachers stress: Prevalence, Sources and Symptoms. *British Journal of Educational Psychology*, 48, 159-167.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). Falsafah Pendidikan Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kyriacou, C. (2001). Teacher's stress and burnout: *An international review. Educational Research*, 29 (2): 146 – 152.
- Kyriacou, C. & Sutcliffe, J. (1977). Teacher stress: A review. *Educational Review*, 29 (4): 299 - 306.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Robbins, S.P. (1993). Organizational Behavior: Concepts, Controversies, and Application. Sixth Edition. New Jersey: Prentice -Hall, Inc.
- Rosemaria (2009). Teacher under stress. Hill of Content Publishing Company. Melbourne.
- Ramli Bin Jusoh (2003). Mengkaji Tekanan di Kalangan Guru bengkel di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Sekaran, U. (1992). Research Methods for Business: A Skill Building Approach. Second Edition. New York: John Wiley and Sond, Inc.
- Sapora Sipon. (2001). Stress dan pencapaian akademik pelajar. Buletin Psikologi 2000/2001. Universiti Malaysia Sabah.
- Sipon, S. (2007, Julai 27). Pendidik Mesti Bijak Kawal Emosi. Utusan Malaysia
- Wales Dunham, J. (1992). Stress in Teaching, *second edition, London: Roulledge*. Dewan Masyarakat, Jun 1996.